

NO SOALAN : 150

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6836

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil kerajaan untuk mengatasi pelbagai kesusahan yang dihadapi oleh majikan untuk mendapat kelulusan kerajaan bagi menggaji pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor yang telah diluluskan oleh kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan majikan yang memerlukan pekerja asing untuk beroperasi. Sehubungan ini, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor utama yang memerlukan guna tenaga asing iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan juga pertanian bagi membantu majikan mengatasi isu kekurangan tenaga kerja.

Kerajaan juga sentiasa memperkemaskan mekanisme permohonan pengambilan pekerja asing di Malaysia dalam usaha membantu dan memudahkan majikan mendapatkan pekerja asing. Antara inisiatif utama yang telah diambil oleh Kerajaan adalah melalui penubuhan Pusat Kelulusan Setempat (One Stop Centre – OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 1 Ogos 2005 yang bertujuan untuk memudahkan majikan daripada pelbagai sektor membuat permohonan pengambilan pekerja asing.

Permohonan majikan yang lengkap dan menepati kriteria serta syarat yang ditetapkan akan diberikan kelulusan pada hari yang sama. Bagaimanapun, prosedur pengambilan pekerja asing ini turut melibatkan komitmen majikan untuk mempercepatkan proses pengambilan pekerja asing yang mana majikan sewajarnya memastikan permohonan mereka

memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia.

Selain itu, pihak majikan boleh mendapatkan senarai semak dan borang permohonan pengambilan pekerja asing di portal KDN bagi memudahkan pihak majikan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum mengemukakan permohonan di OSC, KDN.